

08/04/2003

MCA disaran selesai masalah dalaman

GEMAS: Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Tan Sri Mohamed Rahmat, meminta MCA segera menyelesaikan masalah dalaman parti itu bagi mengelakkan peristiwa pilihan raya 1969 berulang.

Beliau berkata, pertelagahan dan perselisihan sesama sendiri adalah masalah dalaman parti itu, tetapi ia boleh menjejaskan kestabilan BN dalam menghadapi pilihan raya nanti.

"Cukuplah peristiwa pilihan raya 1969 menjadi satu sejarah yang tidak boleh dilupakan apabila calon MCA kalah teruk kerana perselisihan antara pemimpin mereka. Sebelum itu, mereka mendakwa kononnya masalah dalaman itu tidak menjejaskan kemenangan Perikatan pada pilihan raya itu. Namun, sebaliknya berlaku dan ia harus menjadi iktibar," katanya selepas majlis menandatangani perjanjian kerjasama antara syarikat Heveaboard Sdn Bhd dengan Mensilin Holdings Sdn Bhd dekat sini, semalam.

Majlis itu turut disaksikan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Telekom dan Multimedia, Datuk Dr Halim Shafie mewakili menterinya, Datuk Amar Leo Moggie.

Masalah dalaman membabitkan Team A dan B dalam MCA kembali bergolak apabila Ketua Pemuda, Datuk Ong Tee Kiat, mendakwa wujud kumpulan samseng dalam parti itu.

Mohamed, yang juga Pengerusi Heveaboard, berkata, beliau tidak akan campur tangan atau menjadi orang tengah bagi menyelesaikan krisis parti berkenaan.

"Kedua-dua pihak yang berselisih faham sudah dipanggil Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya menyelesaikan masalah itu," katanya.

Sementara itu, Mohamed meminta pihak tertentu yang menghantar memorandum dan surat kepada pejabat BN untuk melobi menjadi calon pilihan raya akan datang, supaya menghentikan perbuatan itu.

"Kita mempunyai kriteria tersendiri bagi memilih calon. Jadi, kita harap pihak tertentu yang melobi dengan menghantar surat dan mendakwa mereka lebih berkecualan berbanding orang lain, berhenti berbuat demikian. Kita

tahu memilih calon yang boleh membawa kemenangan kepada BN," katanya.

Beliau juga meminta semua komponen BN mempersiapkan jentera untuk menghadapi pilihan raya mulai sekarang.